

Terbitan : *Kosmo*

Tarikh : *10/6/2023*

M/S : *14*

Sorok heroin dalam bekas produk minuman suplemen

SEBERANG PERAI – Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang berjaya membongkar taktik sindiket penyeludupan dadah yang menyembunyikan 1.412 kilogram (kg) heroin di dalam bekas produk minuman suplemen Selasa lalu.

Pengarah Kastam negeri, Hamisan Kalip berkata, kejayaan itu susulan penemuan satu kotak bungkusan dari sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran atau kurier yang terkenal di Kompleks Kargo Udara Kedua, Batu Maung kira-kira pukul 3.36 petang.

Katanya, dadah itu dijumpai

disorok di dalam tiga bekas daripada enam yang mengandungi serbuk minuman suplemen yang cuba dieksport ke luar negara.

"Anggaran berat keseluruhan serbuk warna putih yang disyaki heroin itu adalah seberat 1.412 kilogram (kg) dengan nilai pasaran yang dianggarkan berjumlah RM132,375.

"Berdasarkan hasil risikan dan maklumat yang diperolehi, bungkusan itu dipercayai cuba dikirimkan oleh seorang individu ke salah sebuah negara di kepulauan Oceania," katanya pada satu sidang akhbar di sini semalam.



HAMISAN (tengah) menunjukkan heroin yang disorok di dalam bekas produk minuman suplemen di Seberang Perai semalam.